

Kehebatan Wanita KEKUATAN UMMAH



Profesor Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail.

Kedatangan Islam telah meletakkan wanita sama kedudukannya dengan lelaki yang berhak dilayan dengan adil. Malah, Islam memuliakannya untuk sama-sama memainkan peranan membentuk generasi yang bakal memimpin ummah. Dalam pertemuan dengan sidang editor *Dewan Tamadun Islam* baru-baru ini, Profesor Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail, Ketua Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang juga Pengerusi Panel Isu-isu Wanita Islam (PISWI), JAKIM, mengupas isu ini dengan lebih lanjut.

1. Kedudukan wanita dalam syariat Islam

Islam meletakkan wanita pada kedudukan yang sangat mulia. Dalam al-Quran terdapat surah khas yang membicarakan perihal wanita, iaitu *Surah al-Nisa'* dan *Surah Maryam*. Dalam hadis pula, wanita disebut sebagai yang pemberi kebahagiaan. Terdapat kajian yang menyatakan bahawa bilangan kalimah lelaki dan wanita disebut sama banyak dalam al-Quran. Islam membicarakan soal kemuliaan wanita sebagai ibu, konsep wali yang terdiri daripada kaum lelaki dan tanggungjawab memberikan nafkah kepada wanita. Konsep *qawwam* (kepimpinan) suami yang disepakati ulama pula bertujuan untuk menjaga dan melindungi wanita. Demikianlah sebahagian gambaran mulianya kedudukan wanita dalam Islam.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Dan orang beriman daripada lelaki dan perempuan saling membantu antara satu sama lain. Mereka mengajak kepada perkara yang makruf (kebaikan) dan mencegah perkara yang mungkar." (*Surah al-Tawbah* 9:71).

2. Hak wanita untuk disayangi dan dicintai

Seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW dan berkata, "Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling berhak aku hormati?" Baginda menjawab, "Ibumu!"

Lelaki itu bertanya lagi, 'Kemudian siapa?' Baginda menjawab, "Ibumu!" Lelaki itu bertanya lagi, "Kemudian siapa?" Baginda menjawab, "Ibumu!" Lelaki itu bertanya sekali lagi, "Kemudian siapa?" Baginda menjawab, "Bapamu!" (Hadis riwayat al-Bukhari).

Seorang wanita yang bergelar ibu berhak diberikan perhatian kasih sayang seperti yang dinyatakan dalam hadis tersebut. Seorang anak dilarang menderhaka kepada kedua-dua ibu bapa mereka walaupun hanya dengan meninggikan suara, bahkan tidak mengabaikan kebajikan ibu terutama ketika dia tidak berdaya dan berusia. Sebagai isteri pula, seorang wanita berhak dicintai dengan belaian kasih sayang, menyempurnakan keperluan nafkah zahir dan batin., serta dipimpin ke arah kebaikan. Sebagai anak pula, hak mereka untuk dikasihi dengan diberikan nafkah, pendidikan dan tunjuk ajar. Malah, menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mengatur masa depan mereka ke arah kebaikan dan menjamin keselamatan mereka agar hidup dengan sejahtera.

Iman Muslim rahimahullah menulis sebuah bab dalam kitab sahihnya dengan tajuk "Keutamaan berbuat baik kepada anak-anak perempuan". Hal ini menunjukkan besarnya peranan wali, khasnya untuk melindungi wanita sejak kanak-kanak lagi.



Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah r.anha, katanya, “Ada seorang wanita yang datang menemui dengan membawa dua anak perempuannya. Dia meminta-minta kepadaku, namun aku tidak mempunyai satu apa-apa pun kecuali sebiji kurma. Lalu, aku berikan sebiji kurma itu kepadanya. Wanita itu mengambil kurma itu dan membahagikannya untuk diberikan kepada kedua-dua anaknya, sementara dia sendiri tidak memakannya. Kemudian, wanita itu keluar bersama-sama anaknya. Setelah itu, Rasulullah SAW datang dan aku ceritakan peristiwa tadi kepadanya, maka Baginda bersabda, ‘Barang siapa yang diuji dengan anak-anak perempuan, kemudian dia berbuat baik kepada mereka, maka anak-anak perempuan tersebut akan menjadi penghalang daripada seksa api neraka.’ (Hadis riwayat Muslim).

3. Hak wanita dalam pendidikan dan pemilikan harta

Wanita diberikan hak yang sama untuk mendapatkan pendidikan, wanita turut diwajibkan menuntut ilmu tanpa sekatan dan batas tahap pengajian sama seperti lelaki. Ketetapan ini disandarkan kepada sebuah hadis yang bermaksud, Menuntut ilmu itu suatu fardu bagi orang Islam.” Sebagai contoh, Sayidatina Aisyah r.anha ialah antara tokoh ilmuwan yang sering menjadi rujukan para sahabat terutamanya dalam hal ehwal wanita.

Dari sudut pemilikan harta pula, wanita tidak pernah dihalang daripada memiliki harta seperti juga kaum lelaki. Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Dan janganlah kamu terlalu mengharap (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah berikan kepada sebahagian daripada kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (Kerana telah tetap) orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang perempuan pula ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan; (maka berusaha kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” (*Surah al-Nisa*’ 4:32).

Wanita juga berhak mendapat bahagian yang diusahakan dalam perkahwinan walaupun berlaku perceraian, iaitu sebagai harta sepencarian. Imam Syafii menyatakan dalam kitabnya yang berjudul *al-Umm* yang bermaksud, “Apabila berlaku pertelingkahan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau

perkakas rumah yang mana kedua-dua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka berpisah (cerai); atau sekalipun tidak berpisah; atau kedua-dua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia; yang mana dalam keadaan kedua-dua suami isteri meninggal dunia; atau seorang daripada mereka berdua meninggal dunia, berlaku pertelingkahan oleh waris kepada satu daripada kedua-dua pihak itu; maka kedudukan cara penyelesaian semuanya adalah serupa”

4. Peranan wanita sebagai pemimpin

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abi Bakrah r.a. “Tidak akan beruntung suatu kaum yang menyerahkan urusan kepimpinan kepada wanita.” (Hadis riwayat al-Bukhari). Hadis ini perlu difahami secara keseluruhan terutama dari segi latar belakang peristiwa sehingga keluarnya hadis ini. Hadis ini disabdakan ketika Raja Kisra melantik puterinya sebagai pengganti atau maharani. Kedudukan maharani adalah yang tertinggi dalam sesebuah negara atau pemerintahan. Kedudukan ini berbeza dengan konteks negara demokrasi berperlembagaan yang meletakkan Yang di-Pertuan Agong dan raja sebagai ketua negara dan ketua negeri.

Sekiranya hadis ini disandarkan sebagai dalil yang umum, maka sudah tentu wanita tidak boleh menjadi ketua dalam apa-apa juga lapangan yang melibatkan kaum lelaki sebagai anggota yang dipimpin, seperti dalam sebuah organisasi atau institusi, apatah lagi di sebuah kementerian, malah menjadi pemerintah negara. Sedangkan Khalifah Umar al-Khattab r.a. telah melantik Syifa’ binti Abdillah sebagai penguasa pasar pada zamannya. Banyak contoh srikandi Islam dan sejarah dunia yang membuktikan kebolehan kepimpinan wanita dalam pelbagai bidang dan kedudukan jawatan. Maka itu, seorang wanita juga mempunyai hak untuk diangkat sebagai pemimpin mengikut konteks yang dibenarkan oleh syarak.

5. Peranan wanita bagi membentuk keluarga dan masyarakat sejahtera?

Wanita harus diberikan kepercayaan, sokongan, galakan dan peluang memimpin dengan keperibadian yang beradab, berintegriti dan tanpa mengabaikan tanggungjawab terhadap suami dan keluarga. Melalui kepercayaan dan keyakinan ini, semoga wanita dapat memainkan peranan yang konklusif dalam keluarga dan masyarakat berlandaskan syariat.